

Bilik rahsia sindiket potong

Aduan penduduk dedah operasi 'bedah' kereta curi

>>Oleh Mohd Jamilul Anbia dan Salman Hamat

am@hmetro.com.my

SUBANG JAYA: Peneemuan memeranjatkan apabila anggota polis yang menyerbu sebuah premis memotong kenderaan curi di Seri Kembangan di sini turut menemui sebuah bilik rahsia penuh dengan gambar wanita bogel dan beraksi panas di ranjang dipercayai digunakan ahli sindiket itu untuk melampiaskan nafsu selepas penat bekerja.

Bilik khas di belakang gudang berkenaan sengaja ditampal gambar lucah selain gambar gadis telanjang yang berteraburan di lantainya bagi tujuan merangsang nafsu.

Bukan calang-calang gambar apabila hampir semua gambar tidak bermoral yang menghiasi dinding bilik berkenaan diambil daripada majalah lucah bertaraf lima bintang.

Dalam serbuan di gudang berkenaan di Jalan SK3/9, Seri Kembangan di sini, kira-kira jam 3 pagi semalam, polis turut menemui tilam lengkap dengan bantal dipercayai digunakan untuk melakukan kegiatan tidak bermoral oleh pekerja bengkel terbabit.

Selain menjadi bilik untuk melampiaskan nafsu, bilik



LERAI...Zainal (dua dari kanan) melihat rangka kenderaan yang dileraikan sindiket.



BUKTI ...antara rangka kenderaan ditemui dalam gudang terbabit.

itu digunakan untuk menyimpan komponen kenderaan yang sudah dileraikan seperti kusyen dan berbagai lagi komponen kecil kenderaan.

Rahsia kegiatan kumpulan terbabit menjadikan gudang di tengah kawasan perumahan itu terbongkar ha-

sil aduan orang ramai yang merungut dengan bunyi bising dari lokasi terbabit pada setiap malam.

Penduduk di kawasan terbabit mendakwa sering mendengar bunyi pekerja mengetuk serta bising menyebabkan mereka sukar melelapkan mata.

Difahamkan, bagi mengelak kegiatan mereka dihidu, anggota kumpulan terbabit hanya aktif menjalankan kerja meleraikan kenderaan curi itu pada waktu malam.

Dalam serbuan itu juga seorang lelaki berusia 48 tahun yang dikehendaki polis kerana terbabit dalam jenayah curi kereta di daerah Brickfields, turut ditahan.

Siasatan awal mendapati lebih 50 kenderaan sudah dileraikan di bengkel terbabit dan dijual sebagai barangan ganti kepada pembeli.

Ketua Polis Subang Jaya, Asisten Komisioner Zainal Rashid Abu Bakar, berkata sepasukan anggota polis bergegas ke gudang terbabit selepas menerima maklumat awam.

Katanya, sindiket terbabit akan meleraikan komponen kenderaan yang dicuri sebelum dipasarkan ke pasaran tempatan pada pembeli yang berminat.

"Pemeriksaan mendapati terdapat dua rangka Proton dua Kembara, dua rangka Proton Iswara serta satu rangka Perodua Rusa yang dicuri di sekitar Lembah Klang dan pelbagai peralatan memotong kenderaan.

"Siasatan awal mendapati suspek bergiat aktif sejak 2006 sekitar Lembah Klang dan direman tiga hari mengikut Seksyen 379 A (1) kerana mencuri kenderaan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.